

Jamin WUF9 aman

Kerajaan persiap anggota keselamatan melalui kerjasama NBOS

MOHAMAD NAUFAL MOHAMAD IDRIS

KUALA LUMPUR - Kerajaan akan memastikan Forum Perbandaran Sedunia ke-9 (WUF9) yang bermula 7 sehingga 13 Februari ini diadakan dengan aman, tanpa insiden tidak diingini berlaku.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, kerajaan telah mempersiapkan anggota keselamatan melalui kerjasama Strategi Lautan Biru (NBOS) bagi merealisasikan perkara itu.

"Ini satu forum antarabangsa besar dianjurkan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Jadi, kita tidak boleh mengambil mudah konvensyen bertaraf antarabangsa, di mana Malaysia menjadi tuan rumah.

"Sebarang risiko mesti disifarkan. Oleh itu, kita melaksanakan beberapa latihan amali pada hari ini (semalam)," katanya selepas meninjau latihan amali ekseksais anti keganasan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh



Foto: BERNAMA

Ahmad Zahid (tengah) pada demonstrasi kesiapsiagaan Latihan Amal Anti Keganasan yang membabitkan pelbagai agensi penguat kuasa sempena WUF9 di KLCC, semalam.

Omär; Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun dan Ketua Pengarah Majlis Keselamatan Negara, Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin.

Ahmad Zahid berkata, lebih 2,000 anggota keselamatan terdiri daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) serta anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) akan bertugas bagi bantu kawalan keselamatan



Unit Tindakan Khas (UTK) beraksi ketika demonstrasi kesiapsiagaan Latihan Amal Anti Keganasan, semalam.

di sekitar KLCC dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Kira-kira 25,000 peserta daripada 194 negara akan

menghadiri WUF9, yang diperkenalkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai Perumahan dan Pembangunan Mampan (UN Habitat).